

10 OCT 1996

Umno-Landasan (Analisis berita)
UMNO TUJU LANDASAN ASAL PERJUANGAN

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Angin perubahan yang melanda pergerakan Pemuda dan Wanita Umno pada pemilihan jawatan-jawatan tertingginya semalam, merebak kepada pemilihan untuk badan tertinggi parti itu pada Perhimpunan Agungnya hari ini.

Keputusan pemilihan itu menyaksikan beberapa perubahan ketara pada peringkat Naib Presiden dan anggota Majlis Tertinggi (MT) yang, bagi sesetengah kalangan, menampakkan usaha bersungguh-sungguh anggota Umno untuk mengembalikan parti itu ke landasan asalnya seperti yang dihasratkan oleh Presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kali ini parti itu telah memutuskan untuk tidak mempertandingkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Perubahan paling mendadak ialah pemilihan semula Datuk Abdullah Ahmad Badawi sebagai seorang daripada tiga Naib Presiden. Abdullah yang memperolehi 1,053 undi pernah menduduki kerusi itu selama tiga penggal sebelum ditewaskan pada pemilihan 1993.

Pada pertandingan peringkat Pemuda dan Wanita semalam, kedua-dua penyandang jawatan Ketua, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik (Pemuda) dan Datuk Seri Rafidah Aziz (Wanita), telah dikalahkan.

Rahim ditewaskan oleh ketua penerangannya sendiri Datuk Zahid Hamidi manakala Rafidah oleh anggota Exconya Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Dua lagi Naib Presiden yang berjaya mempertahankan kedudukan masing-masing hari ini ialah Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang memperolehi 1,483 undi dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang meraih 1,045 undi. Penyandang yang tewas ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memenangnya pada 1993 ketika menjawat jawatan Menteri Besar Johor.

Kebanyakan pemerhati yang mengikuti perhimpunan agung itu yakin pemilihan semula Abdullah ada kaitan dengan penekanan yang diberikan oleh Dr Mahathir ketika merasmikan perhimpunan itu.

Dr Mahathir telah menegaskan betapa perlunya pemilihan jawatan-jawatan parti pada semua peringkat diasaskan kepada prestasi dan merit seseorang calon, seperti yang menjadi amalan pada zaman awal penubuhan Umno.

Abdullah dilihat pemerhati sebagai salah seorang penjulung obor corak perjuangan awal parti itu yang terus mencurahkan khidmatnya walaupun ketika dipinggirkan.

"Kemenangan Pak Lah (Abdullah) tanpa perlu berhempas-pulas berkempen adalah satu manifestasi kemunculan rasa jelik kebanyakan wakil terhadap segala bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa," kata seorang wakil dari Negeri Sembilan yang mengaku memberikan undinya kepada Menteri Luar itu.

Ada juga kalangan yang percaya pemilihan Abdullah ada kaitan dengan hanyutnya apa yang dipanggil "team rakit" atau "team wawasan" yang dibentuk menjelang perhimpunan agung yang lepas kerana setiap calon yang bertanding pada kali ini kelihatan bergerak sendiri-sendiri.

Abdullah dan seorang lagi penyandang Naib Presiden yang tewas pada 1993, Datuk Seri Sanusi Junid dikatakan tidak menyertai mana-mana pasukan ketika itu dan lebih mengharap kekuatan diri masing-masing.

Sesetengah pemerhati percaya, keputusan perwakilan mengekalkan Najib didorong oleh keyakinan mereka terhadap prestasi Menteri Pendidikan itu serta kemampuannya melaksanakan amanah yang diserahkan kepadanya bagi menjayakan matlamat Wawasan 2020, terutama yang berkaitan dasar dan sistem pendidikan tanahair.

Muhammad pula dikekalkan sebagai Naib Presiden kerana selain berjaya mencipta nama sebagai salah seorang Menteri Besar yang paling agresif dalam membangunkan negeri yang diterajuinya sehingga Selangor kini boleh dianggap negeri termaju di Malaysia, beliau juga dilihat sebagai calon yang paling sesuai mewakili "Kelab Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri" dalam sama-sama merancang hala tuju Umno.

Kebanyakan pemerhati sependapat bahawa perwakilan kali ini jelas lebih saksama dalam mengagihkan jawatan-jawatan parti, tidak seperti pada 1993 yang menyaksikan pemilihan dua Menteri Besar untuk jawatan Naib Presiden, Muhyiddin dan Muhammad.

Mungkin atas alasan untuk mengelak berulangnya kejadian seumpama itu, perwakilan kali ini menolak Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib yang juga bertanding untuk jawatan itu walaupun beliau bukan sekadar calon tempelan.

Ada juga yang berpendapat, Ramli ditolak oleh perwakilan bagi memberinya peluang yang lebih untuk memusatkan tumpuan kepada pembangunan Perak yang kaya dengan pelbagai sumber aslinya tetapi masih ketinggalan daripada segi pembangunan jika dibandingkan dengan Selangor atau Johor.

Sesetengah pemerhati pula berpendapat keputusan perwakilan menolak seorang lagi calon Naib Presiden, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar ada kaitan dengan kerumitan mereka untuk membuat pilihan kerana penampilan dua calon untuk jawatan serupa dari negeri yang sama. Seorang lagi ialah Muhyiddin.

"Selain undi perwakilan Johor sendiri telah berpecah, perwakilan dari negeri-negeri lain juga sukar untuk membuat pilihan. Akhirnya apa yang dikejar Syed Hamid tidak kesampaian dan apa yang dikendong Muhyiddin keciciran," kata seorang wakil dari negeri itu.

Banyak kalangan bersetuju faktor yang sama telah menyumbang kepada kekalahan Muhyiddin, selain faktor-faktor sampingan seperti kemerosotan pengaruh berikutan pertukarannya dari kerusi Menteri Besar ke Kementerian Belia dan Sukan.

Kehadiran seorang lagi calon Naib Presiden, Yob Tajuddin Kulub Ismail dikatakan tidak menjadi faktor penentu pada pemilihan hari ini.

Sikap akur perwakilan kepada nasihat Dr Mahathir juga jelas dalam pemilihan 25 anggota MT. Daripada senarai 55 calon yang bertanding, perwakilan ternyata begitu teliti agar barisan itu kelak bukan sahaja mencerminkan gabungan yang seimbang antara muka baru dan lama tetapi juga menepati aspirasi keseluruhan anggota parti dan kehendak kepimpinan tertingginya.

Justeru perwakilan mengekalkan 17 muka lama dan memilih lapan muka baru.

Muka baru ialah Datuk Salleh Tun Said Keruak, Datuk Mohd Shafie Apdal, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Dr Affifuddin Omar, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Suleiman Mohamed, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Shahrizat Abdul Jalil.

Antara muka lama tewas ialah Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan bekas Menteri Besar Perlis Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh. Syed Hamid dan Ramli yang bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden tidak mempertahankan kerusi MT itu, sama seperti Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Samad yang tewas dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda semalam.

Dengan itu lima menteri tidak berada dalam senarai barisan kepimpinan tertinggi Umno, termasuk Syed Hamid dan Sabbaruddin.

Yang lain ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang tewas sebagai Ketua Pergerakan Wanita semalam, Muhyiddin dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa yang tewas pada perebutan jawatan Ketua Pemuda dan tidak mempertahankan kerusi MT.

Pemerhati dan anggota perwakilan yang ditemui selepas keputusan pemilihan itu diumumkan berkata, keputusan itu juga jelas menunjukkan keinginan Umno mengukuhkan lagi kedudukannya di Sabah.

Salleh, Mohd Shafie dan seorang muka lama yang berjaya mempertahankan kerusi MT hari ini, Menteri Tanah dan Kemajuan Koperasi Datuk Osu Sukam adalah dari negeri itu.

Daripada keputusan pemilihan semalam dan hari ini pemerhati berkata Dr Mahathir mungkin perlu menimbang kedudukan menteri-menteri yang tidak menganggotai MT dan beberapa muka baru yang terpilih. -- BERNAMA

AM NMO